

Headline	Manfaatkan tenaga solar kurangkan bil elektrik		
MediaTitle	Kosmo		
Date	18 Jul 2019	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Niaga	Page No	45
ArticleSize	163 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 12,739		



Manfaatkan tenaga solar kurangkan bil elektrik

LESTARI. Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Beng Teik di Bukit Mertajam, Pulau Pinang menjadi sekolah pertama di negeri berkenaan yang memasang panel sistem suria di bumbung sekolah pada Khamis lalu.

Sistem berkenaan yang dijangka siap dipasang pada Oktober depan mampu menjana sebanyak 77.5 kilowatt tenaga elektrik.

Sekolah itu turut menandatangani perjanjian pembekalan tenaga boleh diperbaharui bersama Tenaga Nasional Bhd. (TNB), membolehkannya menikmati kadar tarif elektrik yang lebih rendah selain dapat menjual tenaga elektrik berlebihan yang dijana kepada syarikat utiliti tersebut.

Menurut Guru Besarnya, Tan Lee Eng, pihaknya berharap sistem penjanaan tenaga solar itu dapat meningkatkan kefahaman mengenai tenaga boleh diperbaharui dalam kalangan murid dan masyarakat awam.

BAGA JEMAAH PENGURUS SEKOLAH SJK(C) BENG TEIK (PUSAT)

NATIONAL ENERGY PULAU PINANG SDN BHD

DATUK SIAH KOK POAY

MEGAT JALALUDDIN MEGAT HASSAN

KETUA Pegawai Runcit TNB, Megat Jalaluddin Megat Hassan (dua dari kanan) bersalaman dengan Pengerusi Lembaga Pengurusan SJK(C) Beng Teik, Datuk Siah Kok Poay pada majlis menandatangani perjanjian pembekalan tenaga solar di Bukit Mertajam Khamis lalu.